

Headline	60 sertai Kursus Tanaman Cendawan Shiitake		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,802



60 sertai Kursus Tanaman Cendawan Shiitake

KUNDASANG: Baru-baru ini seramai 60 orang penduduk sekitar kampung Bundu Tuhan, Kiau, Pekan Nabal, Tomis, Simpangan Lama dan Tiong telah menghadiri kursus Motivasi dan Teknikal Pemeliharaan Cendawan Shiitake anjuran Kopersai Pembangunan Desa (KPD) di Mount Kinabalu Heritage Resort & SPA dekat sini.

Kursus selama tiga hari itu bertujuan membantu para peserta berkenaan yang berjaya dipilih menerima bantuan kerajaan untuk mengusahakan bidang penanaman cendawan melalui program IAzam, FELDA dan KPD.

Menurut Petujuk Cara Projek KPD Kundasang Jimmer Gudu, objektif kursus tersebut adalah untuk memberikan garis panduan kepada para peserta tentang cara pemeliharaan cendawan yang seragam sesuai dengan kualiti produk yang ingin dicapai.

Katanya, para peserta diambil dari sekitar enam buah kampung tersebut berdasarkan tapak yang bakal mereka jalankan pemeliharaan nanti terletak melebihi 1,000 meter dari paras laut yang sangat sesuai untuk tanaman cendawan jenis Shiitake (*Lentinus Endodes*).

Menurut beliau lagi, kursus tersebut merupakan kursus fasa kedua kendalian KPD selepas kursus yang diadakan di Pekan Nabal beberapa bulan lalu bagi memantapkan lagi pengetahuan peserta sebelum memulakan bidang tersebut.

Tegasnya, pemeliharaan cendawan ini merupakan satu bidang yang sangat berpotensi untuk menjana pendapatan memandangkan permintaan mengenainya di-

pasaran sangat tinggi malah produk yang ada sekarang masih tidak mencukupi untuk kegunaan dalam negeri.

“Kesedaran masyarakat tentang khasiat cendawan yang dipercayai boleh menghalang dan merawat beberapa jenis penyakit seperti kanser dan HIV, darah tinggi, kolesterol dan sebagainya menjadikan sayuran cendawan semakin menjadi pilihan sebagai sajian makanan harian,” tambahnya.

Selain mengikuti kursus secara percuma, para peserta yang terpilih ini akan dibantu oleh kerajaan membina bangunan pemeliharaan, bantuan bibit, alat penyembur serta menikmati pakej perkhidmatan pembelian hasil yang akan diambil sendiri oleh KPD.

Pada kursus itu, peserta telah diberikan beberapa siri ceramah yang berkaitan dengan cara-cara pemeliharaan dari awal hingga ke peringkat penuaian hasil oleh beberapa orang pakar mengenai bidang penanaman cendawan.

Selain dari itu, peserta juga telah dibawa melawat ke pusat pengeluaran bibit cendawan di kampung Masilau dimana mereka melihat sendiri bagaimana proses pemeliharaan itu dilaksanakan disamping mencuba sendiri beberapa kaedah yang bakal diamalkan nanti.

Majlis penutupan dan penyampaian sijil tamat kursus telah disempurnakan oleh Penguasa Kilang Pengeluaran Bibit Cendawan Kampung Masilou Cyril Adtak di Bilik Latihan, tingkat 9 bangunan Mount Kinabalu Heritage Resort & SPA Kundasang yang turut dihadiri oleh Jimmer Gudu dan pegawai-pegawai KPD yang lain.

Headline	60 sertai Kursus Tanaman Cendawan Shiitake		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,802



TAKLIMAT ... Cyril memberikan taklimat proses mengadun bahan mentah yang akan menjadi campuran bibit dan makanan cendawan itu sendiri kepada para peserta.




PRAKTIKAL ... Salah seorang peserta mencuba memasukkan bibit cendawan kedalam plastik.




CENDAWAN SHIITAKE ... Inilah rupa cendawan Shiitake atau nama saintifiknya *Lentinus Endodes* yang ditanam di Masilou.

Headline	60 sertai Kursus Tanaman Cendawan Shiitake		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,802



LADANG CENDAWAN ... Seorang pegawai KPD sedang memberikan taklimat teknik pemeliharaan cendawan kepada peserta kursus di ladang Kampung Masilou.



PROSES Pengeraman ... Beribu beg plastik berisi bibit cendawan yang perlu diperam selama lebih kurang satu bulanoleh pihak KPD sebelum dihantar ke ladang pemeliharaan.